

Kerajaan akur dengan peletakan jawatan KY Mustafa

UB 8.8.2019

KOTA KINABALU: Kerajaan Negeri akur dengan keputusan KY Mustafa yang memilih untuk meletakkan jawatan sebagai pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berkata, bagaimanapun keputusan itu disifatkan sebagai satu kehilangan besar bagi negeri ini.

Hal itu kerana, katanya, KY Mustafa adalah seorang individu yang berpengalaman luas serta berkebolehan dalam mengurus tadbir institusi pendidikan awam itu.

"Keputusan ini sudah dimaklumkan kepada saya dan saya sudah cuba berikan pandangan supaya beliau tidak berhenti, namun beliau tetap mengambil keputusan itu (meletak jawatan).

"Bagaimanapun, peletakan jawatan ini kita kena terima dan ini satu kehilangan besar kepada kita kerana beliau mempunyai kebolehan mengurus tadbir UMS," katanya ketika ditemui pemberita pada sidang media di Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai penyerahan surat peletakan jawatan KY Mustafa sebagai pengerusi Lembaga Pengarah UMS pada 1 Ogos lepas. Shafie berkata, difahamkan, KY Mustafa mengambil keputusan itu disebabkan kecewa dengan perjalanan pengurusan pentadbiran UMS dibuat tanpa perbincangan terlebih dahulu.

Katanya, ia termasuklah berkaitan isu pelantikan mengejut Naib Canselor baharu yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan baru-baru ini.

Kerajaan akur dengan peletakan jawatan KY Mustafa

UB 8.8.2019 2

► Dari Muka 1

"Walaupun pelantikan ini adalah hak Kementerian Pelajaran, tetapi kita patut tahu bahawa pihak pengurusan UMS juga mempunyai perancangan bagi menjadikan mereka institusi cemerlang mengikut landasan yang betul.

"Bagaimanapun, keputusan ini sudah beliau ambil, kita kena terima dan saya akan teliti siapa yang akan menggantikan beliau selepas ini," katanya.

Sehubungan itu, kerajaan negeri akan mengemukakan nama calon bagi menggantikan Datuk KY Mustafa selepas perbincangan bersama antara Yang di-Pertua Negeri Sabah merangkap Canselor UMS Tun Juhar Mahiruddin bersama pihak pengurusan UMS.

Terdahulu, KY Mustafa yang juga bekas Setiausaha Kerajaan Negeri itu dilantik sebagai pengerusi Lembaga Pengarah UMS selama tempoh tiga tahun menggantikan Tun Zaki Tun Azmi yang mana pelantikan berkuatkuasa bermula 1 November 2018.

Selain itu, ditanya mengenai isu levi pelepasan pelancong pula, Shafie berkata kerajaan Persekutuan perlu berbincang dengan kerajaan negeri terlebih dahulu berhubung beberapa perkara baharu yang sudah diperkenalkan itu.

Katanya, perbincangan itu penting bagi memberi kebaikan bersama memandangkan sektor pelancongan adalah penyumbang utama kepada pendapatan negeri dan negara.